

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Dewasa kini, suratkhabar dan saluran media lain di Malaysia sering memaparkan pelbagai berita mengenai keterlibatan remaja dalam gejala-gejala sosial. Sebahagian besar daripada remaja ini masih berada di bangku sekolah. Peratusan pelajar-pelajar sekolah yang terlibat dalam kes-kes penyalahgunaan dadah, masalah disiplin, vandalisme, jenayah, pelacuran dan penyertaan dalam kumpulan haram meningkat setiap tahun. Senario ini membuktikan bahawa remaja bersekolah di Malaysia menghadapi kesukaran dalam menangani masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian mereka, sehingga menyebabkan mereka terjebak ke dalam kancang gejala sosial yang merbahaya.

Remaja bukan sahaja menghadapi masalah penyesuaian akibat pencapaian kematangan fizikal, malah mereka terpaksa juga menyesuaikan diri dengan perubahan dalam masyarakat dan persekitaran mereka. Sejarah dengan perkembangan negara dalam era sains dan teknologi, pelbagai masalah baru dan kompleks menular masuk ke dalam kehidupan para remaja di negara ini. Kegagalan remaja menangani masalah ini dengan baik akan menyebabkan mereka menghadapi pelbagai tekanan emosi yang boleh menjelaskan masa hadapan mereka.

Pelbagai pihak mula memberi perhatian yang serius kepada remaja bermasalah. Kerajaan umpamanya telah membuat peruntukan yang besar dalam bidang pendidikan di mana lebih dari 20 peratus daripada jumlah perbelanjaan negara setiap tahun ditumpukan pada memperbaiki sistem pendidikan negara. Dalam tahun 1995 umpamanya, sektor pendidikan diberi peruntukan sebanyak RM1,450 juta (Education Guide Malaysia, 1994/95). Bagi mempastikan bahawa pelaburan kerajaan yang besar ini tidak disiasakan, kajian yang mendalam dan terperinci mengenai masalah yang dihadapi oleh pelajar remaja di sekolah-sekolah perlu dilaksanakan. Ini adalah satu langkah yang penting memandangkan golongan remaja inilah yang akan meneraju serta membangunkan negara di masa hadapan.

Pada hakikatnya, sejak merdeka lagi kerajaan telah menyedari tentang wujudnya pelbagai masalah di kalangan remaja yang masih bersekolah. Pada tahun 1963, Kementerian Pelajaran Malaysia mengesyorkan supaya sekolah-sekolah khususnya sekolah menengah memulakan perkhidmatan bimbingan. Pada permulaannya perkhidmatan ini lebih banyak memberi tumpuan kepada perkhidmatan mendapatkan pekerjaan, yang membantu para pelajar lepas sekolah memilih kerjaya mereka. Oleh itu asalnya, perkhidmatan bimbingan lebih merupakan aktiviti-aktiviti lepas sekolah. Pegawai-pegawai perkhidmatan bimbingan pada masa itu cuma berusaha membantu anak-anak muda mengenalpasti kerjaya mana yang lebih sesuai untuk mereka.

Kemudiannya, sedikit demi sedikit telah berlaku perubahan pada penekanan di dalam perkhidmatan bimbingan. Kajian-kajian mula dibuat ke arah memahami permasalahan sosial yang dihadapi oleh para remaja, dan keadaan persekitaran yang mempengaruhi penyesuaian diri individu. Pihak pentadbiran sekolah mula cuba menyediakan suasana yang boleh mengurangkan ketegangan sosial dan meningkatkan pembangunan kemahiran sosial di kalangan pelajar. Lama-kelamaan, perkhidmatan bimbingan ini lebih memberi perhatian terhadap individu pelajar sebagai seorang kanak-kanak, seorang remaja atau seorang dalam tahap pra-dewasa yang sedang mengembangkan kecenderungan dan keupayaanya, merancang matlamat hidupnya, menghadapi masalah peribadi dan kemasyarakatan dan akhirnya keluar dari alam persekolahan sebagai seorang warganegara yang bertanggungjawab. (Mc Daniel, 1956).

Malangnya, walaupun hampir keseluruhan sekolah menengah di negara ini mempunyai guru bimbingan atau kaunselor terlatih, namun masih terdapat pelbagai kes salah laku pelajar dan bilangan pelajar yang bermasalah pun meningkat. Apakah penjelasan bagi fenomena yang membimbangkan ini? Persoalan ini hanya dapat dijawab dengan mendapat suatu pemahaman yang mendalam mengenai keadaan fizikal dan psiko-sosial remaja itu sendiri.

Peringkat remaja sering digelar sebagai satu peringkat kehidupan yang penuh dengan kekeliruan dan kecelaruan. Hall (1956) menamakan zaman remaja sebagai ‘the storm and stress period’. Pendapat ini memang tidak dapat dipertikaikan kerana di peringkat peralihan dari kanak-kanak kepada seorang dewasa, remaja sering tidak mempunyai

status yang tersendiri. Menurut Otto dan Otto (1967) masyarakat hanya memberikan penghargaan dan pengiktirafan yang minima kepada remaja. Remaja tidak mempunyai satu kedudukan yang stabil dalam masyarakat. Mereka juga tidak memperolehi perlindungan seperti kanak-kanak dan walaupun mereka telah menjakkan sebelah kaki ke alam dewasa, mereka masih tidak berupaya memikul tanggungjawab orang dewasa. Kebingungan ini ditambah pula dengan perubahan-perubahan fizikal yang mereka alami pada peringkat pra-dewasa ini. Ketidakupayaan untuk memahami dan menerima perubahan dari segi sosial dan fizikal ini menyebabkan remaja sering marah, memberontak dan kadang kala bertindak mementingkan diri. Lantas, setengah orang melabelkan remaja sebagai golongan yang liar dan sukar difahami.

Sistem pendidikan di negara kita yang menitikberatkan bidang akademik, menyebabkan remaja merasakan dibebankan dengan kerja-kerja sekolah dan kelas-kelas tambahan demi mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Kegagalan dalam bidang akademik menjelaskan peluang bagi remaja melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan mendapatkan pekerjaan yang baik. Remaja yang gagal memenuhi impian mereka dalam pelajaran mudah kecewa. Pada amnya, masyarakat kita juga berpendapat bahawa matlamat pembelajaran di sekolah adalah untuk lulus dalam peperiksaan dengan cemerlang. Oleh itu, tidak hairanlah jika pelajar kita amat mementingkan pencapaian mereka dalam pelajaran.

Selain itu, kehidupan masyarakat di Malaysia masa kini sudah menjadi begitu kompleks, seperti kehidupan manusia di negara maju. Individu menjadi semakin materialistik dan

individualistik. Ibu-bapa moden yang sibuk dengan kegiatan ekonomi mereka, kurang berinteraksi dengan anak-anak mereka. Akibatnya, anak-anak sering terbiar tanpa penyeliaan dan perhatian sehingga terpaksa mencari arah dan kepuasan diri sendiri. Ramai di antara anak-anak ini yang berfoya-foya, melepak dan menghabiskan masa tanpa berfaedah di pusat-pusat membeli-belah, pusat-pusat siber dan permainan video. (Suradi Salim, 1996). Remaja yang hidup seumpama layang-layang putus tali ini, akhirnya akan terjerumus ke dalam aktiviti negatif.

Masalah kurang mendapat perhatian ibu bapa ini lebih dirasai oleh remaja dari golongan status sosio-ekonomi (SES) tinggi dan dari kawasan elit di mana remaja ini sering terbiar tanpa bimbingan dan kasih sayang. Ibu bapa mereka menempatkan mereka di sekolah-sekolah swasta kerana masa persekolahan di sekolah-sekolah begini adalah lebih panjang dari sekolah-sekolah kerajaan. Dengan berbuat demikian, ibu bapa yang sibuk ini beranggapan bahawa anak-anak mereka akan dijaga oleh pihak sekolah. Tetapi seperkara yang tidak disedari oleh mereka ialah bahawa apa yang lebih penting bagi anak-anak mereka ialah kasih sayang dan penjagaan rapi dari ibu bapa.

Oleh itu, kajian ini akan memberi tumpuan kepada mengkaji dan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pelajar dari sekolah swasta. Ramai orang beranggapan bahawa pelajar sekolah swasta tidak menghadapi banyak masalah kerana mereka mempunyai ibu-bapa yang kaya. Tetapi ini adalah suatu tanggapan yang salah. Pelajar ini menghadapi pelbagai masalah kompleks dalam kehidupan mereka kerana kedudukan status sosial yang mendedahkan mereka kepada kehidupan ala-barat.

Sebagai kesimpulan boleh dikatakan bahawa remaja bersekolah di negara kita, sama ada dari golongan SES rendah atau tinggi, menjalani kehidupan yang mencabar. Masalah yang mereka hadapi dalam pelbagai aspek menyebabkan mereka ini kadang kala menemui jalan buntu dan tidak berupaya menyelesaikan masalah. Yang pasti ialah, remaja yang malang ini memerlukan bantuan dan bimbingan pelbagai pihak. Ini hanya dapat dilakukan jika lebih banyak kajian mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh remaja bersekolah dijalankan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab. Dengan pengenalpastian masalah-masalah ini, langkah-langkah yang lebih efektif dapat diimplementasikan untuk membantu pelajar menangani kesulitan mereka.

1.1 Rasional Kajian

'Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara.' Golongan remaja memainkan peranan penting untuk memimpin dan menerajui negara di masa hadapan. Hanya satu generasi muda yang sihat, pro-aktif dan bebas dari masalah sahaja yang dapat melahirkan sebuah negara yang berjaya. Sejajar dengan matlamat ideal ini, golongan remaja perlulah dibantu untuk menghadapi kehidupan mereka yang mencabar dengan fikiran yang lebih matang dan positif. Dengan ini, timbul keperluan bagi mengadakan kajian-kajian terperinci untuk menidentifikasi masalah remaja, supaya pelbagai pihak boleh memperolehi gambaran yang jelas mengenai masalah yang dihadapi oleh remaja, terutama remaja bersekolah. Secara umumnya, kajian ini, merupakan satu usaha bagi memenuhi keperluan itu.

Dewasa kini, banyak sekolah-sekolah swasta didirikan di bandar-bandar utama di Malaysia. Ramai ibu bapa dan remaja dari golongan SES tinggi, yang tertarik dengan peluang belajar di sekolah-sekolah swasta ini. Mereka berpendapat bahawa program pendidikan yang disediakan di sekolah-sekolah swasta ini lebih menarik dan suasana pembelajarannya sangat kondusif. Namun demikian, harapan dan pendapat mereka tidak semestinya tepat. Tinjauan dari hasil penulisan pengkaji-pengkaji tempatan dan luar negeri menunjukkan bahawa terdapat peratusan besar pelajar dari sekolah-sekolah swasta yang menghadapi pelbagai masalah dalam menjalani kehidupan seharian. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengupas masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar sekolah swasta.

Satu kekurangan yang terdapat pada kajian-kajian awal di negara kita mengenai masalah pelajar sekolah ialah ianya lebih memberi tumpuan kepada pelajar-pelajar dari sekolah menengah kerajaan sahaja. Hanya terdapat satu atau dua kajian yang dilakukan terhadap masalah yang dihadapi oleh pelajar dari sekolah swasta. Justeru itu, kajian ini akan mencuba untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar sekolah menengah swasta. Hasil kajian ini diharapkan akan memberi gambaran dan dimensi tambahan mengenai masalah pelajar remaja di Malaysia secara keseluruhannya.

Walaupun kajian ini tidak membuat perbandingan di antara masalah yang dihadapi oleh pelajar sekolah swasta dan pelajar sekolah kerajaan, tetapi dapatan dari kajian ini diharap akan dapat memberi maklumat yang berguna kepada pihak-pihak yang berminat untuk membuat perbandingan masalah yang dihadapi oleh dua golongan pelajar tersebut.

1.2. Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

- I. mengenalpasti masalah utama yang dihadapi oleh pelajar remaja di sekolah swasta.
- ii. membuat perbandingan antara masalah yang dihadapi oleh pelajar lelaki dan perempuan di sekolah swasta.
- iii. membuat perbandingan antara masalah yang dihadapi oleh pelajar tingkatan tiga dan lima di sekolah swasta.

Kajian ini walaubagaimanapun, tidak akan mengambil kira pembolehubah-pembolehubah lain seperti pencapaian akademik, keturunan atau agama.

Masalah remaja seperti yang diidentifikasi dalam 'The Mooney Problem Checklist' bolehlah dipermudah dan dikelompokkan kepada enam kelompok utama di bawah:

1. masalah kesihatan dan perkembangan fizikal.
2. masalah keluarga.
3. masalah sosial, moral dan rakan sebaya.
4. masalah pelajaran dan sekolah.
5. masalah kerjaya.
6. masalah kewangan

Pengumpulan masalah kepada bidang-bidang yang khusus seperti di atas adalah penting untuk tujuan analisis. Justeru itu, kajian ini juga diorganisasikan mengikut kelompok-kelompok masalah seperti di atas.

1.3 Definisi Konsep

Beberapa konsep utama yang digunakan dalam kajian ini adalah:

Remaja: Secara umumnya, konsep ini merujuk kepada individu yang berada pada tahap transisi antara peringkat kanak-kanak dan dewasa. Dalam kajian ini, konsep ini merujuk kepada pelajar lelaki dan perempuan yang berumur di antara 15 hingga 17 tahun di sebuah sekolah swasta.

Sekolah menengah swasta: sekolah menengah milik persendirian yang bukan milik kerajaan. Pelajar sekolah swasta membayar yuran yang tinggi. Bagi tujuan kajian ini, sekolah menengah swasta yang dipilih adalah sekolah yang menggunakan kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.

Masalah kesihatan dan perkembangan fizikal: Ini merujuk kepada masalah kesihatan pelajar dari segi tabiat kesihatan seperti penjagaan diri, makanan dan tempat tinggal. Masalah pertumbuhan fizikal pula menekankan kepada pelbagai jenis kesukaran yang dihadapi oleh pelajar dalam menyesuaikan diri mereka kepada perubahan-perubahan fizikal yang berlaku pada peringkat remaja ini.

Masalah keluarga: Masalah keluarga memberi perhatian kepada pelbagai masalah yang dihadapi oleh pelajar remaja dalam interaksi mereka dengan ahli keluarga mereka, seperti ibu bapa, adik beradik dan saudara mara.

Masalah sosial, moral dan rakan sebaya: Konsep ini merujuk kepada masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam tingkah laku sosial mereka seperti dalam memulakan persahabatan baru dan juga pergauluan dengan rakan sebaya dan anggota masyarakat yang lain. Lebih penting lagi ia menekankan kepada masalah dari segi akhlak, seperti perbuatan menipu, melakukan tindakan anti-sosial dan melanggar batasan agama.

Masalah pelajaran dan sekolah: Masalah pelajaran dan sekolah merujuk kepada pencapaian akademik, teknik belajar, orientasi disiplin, pilihan jurusan dan kurikulum.

Masalah kerjaya: Masalah kerjaya atau masalah vokasi melibatkan masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam bentuk jangkaan atau harapan tentang masa hadapan pelajar untuk menceburkan diri dalam kerjaya. Ianya meliputi masalah kekurangan maklumat kerjaya dan masalah tidak pasti tentang cita-cita masa hadapan dan pemilihan kerjaya.

Masalah kewangan: Masalah kewangan merujuk kepada masalah kekurangan sumber pendapatan ibu bapa yang menyukarkan pelajar mendapatkan pendidikan yang lengkap dan bermutu.

1.4 Soalan-soalan Kajian

Merujuk kepada objektif kajian pada 1.2, kajian ini memberi tumpuan kepada mengumpul maklumat dan membuat pelbagai analisis terhadap data bagi menjawab soalan-soalan kajian berikut:

- i. Apakah masalah utama yang dihadapi oleh pelajar remaja di sekolah swasta?
- ii. Adakah terdapat perbezaan di antara masalah yang dihadapi oleh pelajar lelaki dan perempuan di sekolah swasta?
- iii. Adakah terdapat perbezaan di antara masalah yang di hadapi oleh pelajar tingkatan tiga dan lima di sekolah swasta?